

# **Masalah Asas Ekonomi Dan Penyelesaiannya Menurut Islam**

**Shofian Ahmad**

## **Abstract**

*The study aims to compare the basic problems of economy and its solution between modern and Islamic economy. The perception of modern economy is that the conflict between the unlimited needs and limited source caused problem in economy which is clearly rejected by Islam. According to Islam, the problems in economy is caused by human misbehavior i.e. ungrateful to the favors bestowed by Allah, cruelty and crossing the limit stated by Allah. Therefore, the Islamic solution to this problem is to rectify human action who is the key player in the economic activities whether in the field of consumeration, production or distribution*

## **Pendahuluan**

Manusia diciptakan Allah dengan dibekalkan akal dan nafsu. Kedua-dua unsur ini merupakan keistimewaan yang hanya dianugerahkan Allah kepada makhluk manusia, tidak kepada makhluk-makhluk yang lain.

Akal berfungsi sebagai pemandu dan penunjuk (*hidāyah*) kehidupan manusia.

Akal bagi seorang Islam berfungsi memandu manusia tersebut supaya segala urusan kehidupannya berjalan selaras dengan syariat yang telah digariskan oleh Allah SWT. Oleh itu akal juga digambarkan sebagai keimanannya kepada pencipta yang ditunjukkan melalui tindak-tanduk kehidupannya. Justeru, akal atau iman hanya menerima gambaran yang baik sahaja, kerana keimanan hanya mutlak kepada kebaikan. Manakala nafsu pula dijadikan sebagai alat atau motivasi kepada manusia untuk terus berusaha di dalam kehidupannya. Nafsu pula sering digambarkan dalam dua keadaan iaitu baik dan buruk. Nafsu yang baik akan menjadi penggerak seseorang untuk mencari rezeki yang halal bagi memenuhi keperluan hidup dan ibadatnya. Nafsu sebegini dituntut dan dipuji oleh Allah seperti firmanNya yang bermaksud:

*“Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya!. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu)”*<sup>1</sup>

Manakala nafsu yang buruk hanya menjadi alat untuk memenuhi kehidupan kebinatangannya yang tidak mengenal batas halal dan haram sesuatu usaha tersebut. Allah dengan tegas mencela nafsu buruk ini seperti di dalam firmanNya yang bermaksud:

*“... bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuiNya (bahawa ia tetap kufur ingkar)...”*<sup>2</sup>

Walaupun nafsu atau keinginan manusia digambarkan sebagai tidak terbatas, namun kemampuan manusia untuk memenuhi segala keinginan nafsunya adalah terbatas kerana faktor keterbatasan pada sumber atau harta yang dimilikinya. Keinginan manusia sentiasa melebihi sumber kekayaan yang dimilikinya secara bandingan. Sebagai contoh dengan RM100 ribu yang dimilikinya, manusia ingin memenuhi seribu satu macam keinginannya seperti membeli rumah, kereta, makanan, melancong dan sebagainya. tetapi dia hanya boleh memenuhi sebahagian sahaja dari keinginannya dan terpaksa melepaskan keinginan yang lain. Keadaan ini memaksa manusia membuat pilihan bagaimana akan digunakan dengan sebaik mungkin sejumlah kekayaan yang dimilikinya bagi mencapai satu tingkat kepuasan kepada dirinya. Pilihan yang dibuat akan melibatkan kos<sup>3</sup> dan terpaksa mengorbankan pilihan yang lain.

Begitulah gambaran umum ekonomi moden tentang pertembungan di antara kehendak yang tidak terhad dan sumber yang terhad yang membawa kepada masalah dalam ekonomi. Sesetengah ahli ekonomi mereka telah mendefinisikan

ekonomi sebagai: “sains sosial yang mengkaji gelagat individu dan masyarakat membuat pilihan yang cekap dalam menggunakan sumber-sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak-kehendak yang tidak terhad.”<sup>4</sup>

Persoalannya, apakah memang wujud pertembungan ini menurut pandangan Islam? Jika jawabannya tidak, apakah pula sebenarnya masalah masalah asas ekonomi menurut Islam? Jika jawabannya ya, bagaimanakah Islam mengemukakan teori-teori penyelesaiannya bagi masalah tersebut? Perbincangan berikut akan cuba menjawab persoalan persoalan di atas.

### **Islam Dan Masalah Asas Ekonomi**

Ekonomi menurut Islam adalah sebahagian daripada syariat Islam yang sempurna. Oleh itu, sebarang perbincangan mengenai ekonomi mestilah dirujuk kepada perundangan Islam. Inilah perkara asas yang membezakan ekonomi Islam daripada ekonomi moden kerana ekonomi moden bersifat semata-mata ilmu yang lahir daripada pemikiran manusia dan boleh menerima sebarang perubahan. Selain itu Islam juga tidak melihat ekonomi itu dalam bentuk perebutan kepuasan kebendaan semata-mata seperti yang dilihat oleh ekonomi moden. Islam juga turut mengaitkan ekonomi dengan kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat. Justeru itu Islam melihat masalah asas ekonomi dengan pandangan yang berbeza dengan sistem ekonomi moden kerana perbezaan prinsip dan ciri-ciri ekonomi Islam itu sendiri.

Islam menolak kenyataan bahawa sumber-sumber adalah terhad. Sebaliknya Islam berpandangan bahawa sumber yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia adalah mencukupi untuk menjamin kelangsungan generasi manusia dan memenuhi keperluan mereka. Ini berdasarkan kepada penegasan dari al-Qur'an sendiri, seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar)*

... sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi  
... sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.”<sup>5</sup>

Al-Zamakhshari dalam mentafsirkan ayat ini mengatakan bahawa keperluan (hajat) manusia di dalam maksud ayat “...dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati ...” meliputi semua keperluan asasi kehidupan manusia.<sup>6</sup> Maksud ayat ini disokong dengan maksud ayat terakhir “.. jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya ...” yang menunjukkan sumber yang ada mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Di samping ayat di atas, terdapat ayat-ayat lain yang menunjukkan sumber yang dijadikan Allah di muka bumi ini mencukupi untuk manusia, antaranya firman Allah yang bermaksud:

*“Dan Ia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta Ia melimpahkan berkat padanya, dan Ia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa.”<sup>7</sup>*

FirmanNya lagi yang bermaksud:

*“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Ia Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”<sup>8</sup>*

Berdasarkan kepada petunjuk al-Qur’an di atas, pandangan ekonomi moden tentang sumber-sumber yang terbatas tidak boleh diterima oleh ekonomi Islam. Sumber-sumber alam yang dianugerahkan Allah kepada manusia mencukupi dan mampu memenuhi kehendak manusia. Sekiranya masih terdapat kekurangan pada sumber-sumber maka itu bukanlah sifat semulajadi sumber tersebut, tetapi berpunca dari sikap dan pengurusan manusia yang tidak cekap seperti tamak, kurang ilmu pengetahuan dan sebagainya.<sup>9</sup> Apa yang ditunjukkan oleh ayat-ayat di atas, bahawa Allah telah melimpahkan muka bumi ini dengan berbagai jenis sumber. Sesetengahnya dapat dikenalpasti oleh manusia dan digunakannya manakala sesetengahnya yang lain belum dikenalpasti oleh manusia dan masih menjadi sumber semula jadi yang belum diusik.<sup>10</sup> Oleh itu gesaan syarak kepada manusia supaya memiliki ilmu sentiasa berjalan, kerana dengan ilmulah semua kebaikan (sumber) yang ada di muka bumi ini dapat digunakan untuk kemanfaatan mereka.

Apa yang dapat disimpulkan bahawa kekurangan hanya wujud dalam

masyarakat yang melihat sumber dari sudut kebendaan semata-mata. Sebaliknya kekurangan tidak akan berlaku dalam masyarakat yang melihatnya dengan nilai-nilai dan norma-norma murni dalam kehidupan. Masalah kekurangan sumber sebenarnya hanyalah merupakan suatu fenomena kemasyarakatan bukan fenomena tabi'i kejadian alam kerana sumber sering bertukar ganti dari semasa ke semasa.<sup>11</sup>

Begitu juga dakwaan sistem ekonomi moden yang mengatakan bahawa kehendak manusia dalam ekonomi tidak terhad tidak diterima oleh Islam. Islam memandang sebaliknya, iaitu kehendak manusia ataupun yang dikenali sebagai nafsu boleh dan perlu dihadkan. Allah SWT telah menegaskan di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"... dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam al-Qur'an, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkahlakunya pula adalah melampaui kebenaran."*<sup>12</sup>

Nabi s. 'a.w turut bersabda yang bermaksud:

*"Tiga perkara yang membinasakan iaitu hawa nafsu yang dituruti, kenyang yang ditaati dan 'ujub dengan diri sendiri."*<sup>13</sup>

Berdasarkan dalil-dalil di atas, Islam mengajar supaya sesetengah kehendak manusia perlu dipimpin dan jika perlu dihadkan atau disekat terus. Ini kerana kehendak manusia secara umumnya bolehlah dibahagikan kepada tiga jenis:

- i. *Kehendak baik dan kehendak jahat.* Islam membenarkan manusia memenuhi kehendak baiknya, manakala kehendak jahat pula dilarang berdasarkan hukum *taklifi* yang lima iaitu; wajib, sunat, haram, makruh dan harus.
- ii. *Kehendak dunia (kebendaan) dan kehendak akhirat (kejiwaan).* Islam memandang bahawa kehendak dunia boleh dipenuhi tetapi mestilah diseimbangkan dengan kehendak akhirat. Sebahagian kehendak dunia pula mestilah dibatasi bagi menjamin keseimbangan ini.
- iii. *Kehendak *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*.* Islam mewajibkan umatnya menurut tertib tersebut di dalam tindakan mereka mencapai kehendak masing-masing. Kehendak *darūriyyāt* mestilah didahulukan sebelum dua kehendak lain. Dengan kata lain selagi kehendak *darūriyyāt* belum tercapai, kehendak-kehendak *hājiyyāt* dan *taḥsīniyyāt* mestilah dibatasi.<sup>14</sup>

Sistem ekonomi moden samada Kapitalis atau Sosialisme tidak pernah

membincangkan kehendak manusia sebegini lengkap. Anggapan mereka bahawa kehendak manusia adalah tidak terbatas adalah terpengaruh dengan kehendak hawa dan nafsu semata-mata. Anggapan “ketidak terbatasan” kehendak manusia ini juga bertentangan dengan teori ekonomi mereka sendiri. Ini kerana, mereka telah menerima bahawa penawaran sumber-sumber ekonomi adalah terhad maka kehendak juga adalah perlu dihadkan hanya kepada sumber yang ditawarkan. Begitu juga mereka juga menerima hukum utiliti sut,<sup>15</sup> maka semestinya kehendak manusia juga ada batasannya. Oleh itu andaian mereka terhadap kehendak manusia yang tidak terhad adalah bercanggah dengan pandangan mereka sebelum ini.<sup>16</sup> Perkara tersebut jelas membuktikan kehendak manusia yang terbatas, malah perlu dibataskan. Dengan itu juga membuktikan kepincangan teori ekonomi yang diperkenalkan oleh mereka sendiri.

Sikap kesederhanaan yang diamalkan di dalam Ekonomi Islam turut menolak dakwaan Kapitalis dan Sosialis tentang masalah asas ekonomi. Kesederhanaan merupakan ciri di dalam Islam termasuk ekonominya yang membawa maksud kesempurnaan, keseimbangan dan keadilan.<sup>17</sup> Jika Kapitalis memperjuangkan kepentingan individu melebihi kepentingan umum, manakala Sosialis pula sebaliknya memperjuangkan kepentingan umum melebihi kepentingan individu. Kedua-duanya adalah dalam bentuk yang melampau. Berlainan dengan Islam, di mana Islam mengambil cara yang sederhana dalam ekonomi. Islam memelihara kepentingan umum di samping turut mengiktiraf kepentingan individu. Islam juga mengimbangkan di antara kepentingan dunia dan kepentingan akhirat, kepentingan ruh dan kepentingan jasad, kepentingan nafsu dan kepentingan akal, mengimbangi di antara ideal dengan realiti dan berbagai bagai sudut lagi. Justeru itu ekonomi Islam tidak menindas golongan lemah dalam masyarakat seperti yang dilakukan oleh Kapitalis dengan teori kebebasan pemilikan individu. Begitu juga ekonomi Islam tidak menzalimi hak-hak individu dan kebebasan mereka seperti yang terdapat dalam Sosialis dengan menafikan hak-hak keistimewaan tersebut daripada mereka.

Kesederhanaan dalam Islam dengan memberikan setiap individu kebebasan memiliki sumber ekonomi dan menjalankan sebarang aktiviti yang diharuskan. Tetapi pemilikan sumber ekonomi tersebut bukanlah hak mutlak miliknya bahkan pemilik hakiki sumber tersebut ialah Allah SWT. Manusia hanya sebagai Khalifah (ketua pentadbir) yang bertugas mentadbir dan memakmurkan harta tersebut berdasarkan syariat Allah. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat;  
“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”<sup>18</sup>*

Di sini, wujud dengan jelas hak Allah terhadap sumber-sumber yang dimiliki

oleh individu dan individu tersebut berkewajiban memajukannya. Sekiranya berlaku penyelewengan oleh individu terhadap penggunaan sumber tersebut, maka Islam turut membenarkan kerajaan untuk campurtangan terhadap pemilikan individu bagi tujuan memelihara hak umum.<sup>19</sup> Inilah yang dimaksudkan dengan kesederhanaan dalam Islam yang bertujuan menjamin kesempurnaan, keseimbangan serta keadilan dalam menguruskan sumber-sumber alam.

Kesimpulan awal yang dapat dibuat di sini bahawa Islam tidak menerima pandangan ekonomi moden terhadap masalah asas ekonomi. Islam dengan sistemnya yang tersendiri melihat bahawa masalah asas ekonomi bukanlah terletak pada sumber yang terhad dan kehendak yang tidak terbatas seperti yang didakwa oleh Kapitalis dan Sosialis. Tetapi masalah asas ekonomi ialah natijah perbuatan manusia itu sendiri disebabkan tindakan zalimnya, kekufurannya terhadap nikmat Allah SWT dan kejahilannya dalam menggunakan sumber-sumber yang dikurniakan oleh Allah<sup>20</sup> seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”<sup>21</sup>*

### **Penyelesaian Islam Terhadap Masalah Asas Ekonomi**

Seperti yang telah dibincang bahawa masalah yang berlaku dalam ekonomi bukan berpunca dari kekurangan sumber yang ada maupun kehendak (nafsu) manusia yang tidak terhad. Tetapi faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ekonomi menurut Islam ialah tindak-tanduk manusia itu sendiri. Sikap zalim, mengkufuri nikmat dan melanggar batasan syarak merupakan punca utama berlakunya segala masaalah termasuk masalah ekonomi. Sarjana ekonomi Islam, Muḥammad Bāqir al-Ṣadr, menghuraikan tiga sikap manusia seperti di atas, sebagai punca kepada masaalah ekonomi seperti berikut:<sup>22</sup>

- i- sikap zalim manusia. Ia dapat dilihat daripada ketidakadilan manusia dalam pengagihan kekayaan sumber (harta) yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya
- ii- sikap mengkufuri nikmat pula boleh dilihat daripada sikap ketidakcekapan atau kecuaiannya manusia mengurus sumber yang ada, sehingga berlaku pembekuan harta tersebut dengan tidak dilaburkannya kepada jalan yang boleh membawa kebaikan kepada mereka. Sikap

sebegini dianggap sebagai mengkufuri pemberian Allah.

- iii- dengan sebab zalim dan kufur tadi menyebabkan batas-batas syarak dilanggari oleh manusia. Mereka tidak menghiraukan lagi batas halal dan haram, tidak menghiraukan lagi sikap tolong-menolong, ihsan, *qanā'ah* dan sebagainya.

Jelas di sini bahawa sikap manusia merupakan punca kepada masalah dalam ekonomi. Justeru itu, penyelesaian masalah ekonomi di dalam Islam sudah semestinya difokuskan kepada objek manusia secara langsung. Manusia pula terikat kepada undang-undang Islam dalam sebarang kegiatan ekonomi sama ada pengeluaran barangan dan perkhidmatan, maupun penggunaan ataupun pengagihannya. Oleh yang demikian, Islam telah meletakkan prinsip-prinsip yang jelas kepada manusia sebagai panduan kepada penyelesaian masalah asas ekonomi, dan sesuai dengan peranannya yang berusaha ke arah mewujudkan keadilan dalam pengeluaran, penggunaan dan pengagihan.

Seperkara yang perlu dinyatakan, penyelesaian masalah ekonomi dalam Islam bukanlah meniru cara Kapitalis maupun Sosialis atau bukanlah juga hanya mengambil yang terbaik dari kedua-duanya lalu dijadikan penyelesaiannya oleh Islam. Tetapi Islam mendahului sistem Kapitalis dan Sosialis dalam penyelesaian masalah ekonominya melalui kaedah-kaedah yang diletakkan oleh Syarak semenjak lebih 1400 tahun yang lalu, samada dalam bidang pengeluaran, penggunaan ataupun pengagihan. Berikut akan dilihat cara penyelesaian Islam terhadap ketiga-tiga bidang tersebut;

#### a. Penyelesaian Islam Terhadap Masalah Pengeluaran

Konsep pengeluaran secara umumnya menekankan dua perkara iaitu, pengeluaran sesuatu barangan dan penggunaan barangan yang dikeluarkan. Islam mensyaratkan pengeluaran sesuatu barangan mestilah yang berkaitan dengan keperluan hidup manusia. Pengeluaran barang yang tidak dapat memenuhi keperluan mereka seperti barangan mewah dianggap tidak produktif malah dianggap sebagai pembaziran.<sup>23</sup>

Pengeluaran dalam Islam juga bukanlah hanya semata-mata kerana keuntungan, tetapi mempunyai objektif-objektif lain yang lebih luas di samping objektif keuntungan seperti:<sup>24</sup>

- (i) Memenuhi keperluan individu dan keluarga. Dengan pengeluaran barangan yang mencukupi dapat memenuhi keperluan bagi diri sendiri dan mereka yang di bawah tanggungan. Islam sendiri mewajibkan setiap individu memenuhi keperluan diri dan keluarganya samada keperluan *darūriyyāt* maupun *hājīyyāt* ataupun *taḥsīniyyāt*. Bagaimana



Keperluan-keperluan tadi tidak dapat dipenuhi tanpa aktiviti pengeluaran.

- (ii) Peruntukan bagi keperluan masa depan dan generasi akan datang. Di samping perbelanjaan semasa, Islam juga menganjurkan peruntukan perbelanjaan untuk masa depan supaya menjamin kelangsungan generasi akan datang. Peruntukan perbelanjaan untuk masa hadapan ini dikenali sebagai tabungan, pelaburan, *takāful farā'id* dan sebagainya.
- (iii) Aktiviti pengeluaran sebagai khidmat sosial dan sumbangan ke jalan Allah. Objektif ini menjadi insentif utama kepada pengeluar untuk sentiasa berusaha ke arah meningkatkan hasil pengeluaran yang lebih tinggi dan dengan demikian tingkat pendapatannya juga turut meningkat. Pengeluar diwajibkan mengeluarkan zakat ke atas pendapatannya yang telah mencapai syarat syarat wajib zakat sebagai agen khidmat sosial kepada golongan yang kurang bernasib dalam masyarakat.

Memandangkan pentingnya pengeluar dan aktiviti pengeluaran, Islam telah menggariskan beberapa peraturan dan arahan penting berkenaan pengeluaran supaya ianya berlaku mengikut objektif yang dijelaskan di atas dan dengan itu dapat menghindar masalah-masalah dalam ekonomi seperti zalim, kufur nikmat dan melanggar batasan syarak seperti yang telah dijelaskan dahulu. Antara peraturan-peraturan pengeluaran yang ditetapkan oleh Islam seperti:<sup>25</sup>

- (i) Keluaran yang mengganggu, membahaya dan merosakkan kesihatan fizikal dan rohani tidak akan dikeluarkan kerana ia tidak mempunyai nilai permintaan dalam Islam seperti dadah, arak, judi dan sebagainya.
- (ii) Keluaran yang boleh merosakkan nilai-nilai akhlak dan kemanusiaan juga tidak akan dikeluarkan.
- (iii) Keluaran yang meruntuhkan maruah dan kesejahteraan juga tidak akan dikeluarkan.
- (iv) Keluaran yang boleh membawa manusia kepada kejahatan dan dosa juga tidak akan dikeluarkan.
- (v) Oleh itu hanya keluaran yang baik, suci, berkualiti, membawa kesejahteraan ramai dan meningkatkan nilai nilai kemanusiaan sahaja yang perlu dipergiatkan pengeluarannya selaras dengan tuntutan fardu kifayah.

## **b. Penyelesaian Islam Terhadap Masalah Penggunaan**

Penggunaan adalah peringkat terakhir dan penutup kepada pengeluaran. Gabungan proses pengeluaran dan penggunaan dalam ekonomi dapat menghasilkan kebaikan

kepada kedua belah pihak iaitu pengeluar dan pengguna. Pengeluar mendapat kekayaannya melalui pertukaran barangannya dengan harga yang dibayar oleh pengguna, manakala pengguna pula memperolehi faedah terhadap barangan tersebut. Dengan secara tidak langsung proses pengeluaran dan penggunaan ini dapat membantu proses pertukaran dan pengagihan kekayaan yang adil dalam masyarakat. Dengan demikian, ia membantu menyelesaikan masalah ekonomi yang berlaku di dalamnya. Di atas kepentingan ini, Islam telah menggariskan beberapa panduan di dalam penggunaan, yang antaranya bolehlah disimpulkan seperti berikut:

### **1. Penggunaan Bertujuan Mencapai Keredaan Allah SWT**

Penggunaan dalam Islam mestilah meletakkan matlamat utamanya untuk mencapai keredaan Allah sama ada dari segi **matlamat, cara** dan **perbuatan** penggunaan itu sendiri.

#### **i) Matlamat Penggunaan.**

Matlamat penggunaan ialah untuk mengimbangi keperluan kebendaan dan kerohanian dengan memelihara batas-batas yang telah diletakkan oleh syarak. Penggunaan harta yang melebihi batas-batas syarak dianggap haram dan terlarang. Contohnya penggunaan harta yang haram seperti berjudi, meminum arak, membazir, membekukan harta dan sebagainya. Sikap kedekut dan tamak juga di antara contoh penggunaan harta yang haram.

#### **ii) Cara Penggunaan.**

Penggunaan mestilah berdasarkan konsep kesederhanaan. Konsep kesederhanaan dalam penggunaan menuntut individu tidak bersifat terlalu kikir, dan juga tidak boleh membazir. Oleh itu konsep kesederhanaan di sini menunjukkan batas-batas minimum dan maksimum yang wajib diikuti oleh individu dalam sesuatu penggunaan. Sifat kesederhanaan juga merupakan satu sifat yang terpuji. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”<sup>26</sup>*

#### **iii) Perbuatan Penggunaan.**

Pengguna hanya boleh menggunakan benda-benda yang mendapat keizinan dari Allah sahaja. Benda yang dilarang penggunaannya oleh Allah samada zatnya atau pada hukumnya dianggap haram seperti meminum arak, menggunakan barang curi, penggunaan yang bertujuan riya', memakai emas dan pakaian sutera bagi lelaki dan sebagainya.

## 2. Tertib Keutamaan Penggunaan Hendaklah Dipelihara

i) Dimulai dengan diri sendiri terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh keluarga, saudara-mara yang terdekat dan orang-orang lain yang berhajat. Sabda Nabi s. 'a.w maksudnya:

*“Mulailah dengan dirimu sendiri, belanjakanlah atasnya, kalau ada sesuatu yang lebih maka belanjakanlah untuk keluargamu, maka kalau masih ada sesuatu yang lebih berikanlah pula kepada saudara-maramu yang terdekat...”<sup>27</sup>*

ii) Mengutamakan penggunaan pada perkara *darūriyyāt* terlebih dahulu, kemudian barulah pada perkara *hājiyyāt*, dan *taḥsīniyyāt*. *Darūriyyāt* ialah perkara-perkara yang menjadi kemestian kepada kehidupan manusia. *Hājiyyāt* ialah perkara-perkara yang dapat menghindarkan kepayahan daripada kehidupan manusia, manakala *taḥsīniyyāt* pula ialah perkara-perkara yang memberi kenikmatan kepada kehidupan.<sup>28</sup>

Dengan mengikuti garis-garis panduan yang ditetapkan oleh Islam di dalam penggunaan dapat menjamin masalah ekonomi seperti yang disebutkan dahulu iaitu: kehendak yang tidak terbatas dan sumber yang terbatas.

### c. Penyelesaian Islam Terhadap Masalah Pengagihan

Pengagihan kekayaan adalah penting dan mempunyai kaitan dengan kesejahteraan seluruh masyarakat. Jika kekayaan hanya dimonopoli oleh kumpulan kecil dalam masyarakat sedangkan kumpulan yang terbanyak berada di dalam kemiskinan, ia tidak akan memberi apa-apa manfaat kepada mereka. Oleh itu kesejahteraan hidup masyarakat dan kesenangan mereka bukanlah bergantung kepada pengeluaran dan penggunaan sahaja, tetapi bergantung juga kepada pengagihan yang adil.

Islam mempunyai konsep pengagihan kekayaan yang tersendiri dan adil. Kepentingan semua lapisan masyarakat dipelihara di dalam pengagihan sesuatu kekayaan. Untuk itu, Islam telah meletakkan beberapa asas utama di dalam pengagihan kekayaan supaya mencapai matlamat di atas, antaranya:

a) Pemilik sebenar sumber-sumber ekonomi ialah Allah.

Asas ini bertunjang pada aqidah bahawa manusia itu Khalifah Allah. Menurut Dr. Raf'at al-Sayyid al-Iwadi “asas ini mendidik perasaan bermasyarakat di dalam diri seorang individu yang sedang berusaha mendapatkan harta dan menanam dalam dirinya bahawa harta itu bukanlah hak mutlak dirinya seorang sahaja. Bahkan terdapat juga pemilik-pemilik yang lain di dalam harta yang sedang dimilikinya. Bahkan di sana terdapat pemilik sebenar harta itu yang meletakkan prinsip-prinsip tertentu dan mesti diikuti.”<sup>29</sup>

b) Setiap individu berhak mendapat *ḥadd al-kifāyah*.

*Ḥadd al-kifāyah* bermaksud tahap yang mencukupi bagi seseorang individu untuk meneruskan kehidupan tanpa berhajat kepada bantuan orang lain. Orang yang berada di bawah tahap ini berhak mendapat bantuan golongan berada. Dalam erti yang lain, Islam tidak mengiktiraf kekayaan seseorang individu sedangkan individu yang lain belum mencapai *ḥadd al-kifāyah*.<sup>30</sup> Sabda Nabi s. 'a.w yang bermaksud:

*“Demi Allah!! Tidak sempurna iman seorang yang tidur dalam keadaan kenyang, sedangkan dia mengetahui keadaan jirannya ketika itu yang sedang berlapar.”*<sup>31</sup>

c) Keseimbangan ekonomi di antara anggota masyarakat mestilah terpelihara.

Islam mengiktiraf kewujudan perbezaan di kalangan anggota masyarakat dalam memiliki harta. Tetapi perbezaan tersebut mestilah perbezaan yang mendorong ke arah pencapaian kesempurnaan dan kerjasama, bukan pertentangan dan perkelahian. Untuk tujuan ini, Islam meletakkan beberapa prinsip:

- i- Kekayaan individu tidak dibenarkan melainkan setelah selesainya jaminan *ḥadd al-kifāyah* sebagaimana telah diterangkan di atas.
- ii- Sumber-sumber ekonomi dalam sebuah negara tidak boleh dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:  
*“... supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.”*<sup>32</sup>
- iii- Campurtangan kerajaan untuk mengimbangkan kembali kedudukan ekonomi adalah dibolehkan. Ketika baru saja mendirikan negara Islam di Madinah, Rasulullah s. 'a.w bersabda yang bermaksud:  
*“Barangsiapa yang mempunyai tanah, hendaklah dia menjalankan usaha bercucuk tanam, ataupun menyerahkannya kepada saudaranya (untuk diusahakan), tetapi janganlah dia menyewakannya.”*<sup>33</sup>

## Penutup

Demikianlah penyelesaian Islam ke atas masalah asas ekonomi yang berpunca daripada perbuatan manusia. Konsep pengeluaran barangan dalam Islam mendorong ke arah penghasilan barangan yang berterusan. Konsep penggunaan pula dapat menghalang daripada berlakunya permintaan yang berlebihan. Manakala konsep pengagihan yang adil di dalam Islam pula menjamin kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Inilah penyelesaian yang meletakkan manusia sebagai punca utama bukannya pertembungan di antara sumber yang terhad dengan kehendak yang tidak

terbatas sebagai punca kepada masalah ekonomi. Justeru itu, penyelesaian ini akan berjaya kerana manusia adalah pelakon utama dunia ekonomi dan juga punca kepada masalah-masalahnya.

## Nota Hujung

1. Surah al-Fajr, 27-28. (Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an di dalam kajian ini berdasarkan kepada: *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Edisi ke-9, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1998).
2. Surah al-Jāthiyah, 23.
3. Iaitu yang dikenali sebagai kos melepas (*opportunity cost*) di dalam ekonomi. Kos melepas ialah kos sebenar yang ditanggung kerana memenuhi sesuatu kehendak. Ia dijelaskan sebagai kos mengorbankan satu atau beberapa kegiatan untuk membuat kegiatan yang lain. Dengan sumber (harta) yang terhad, yang mempunyai banyak kegunaan, seseorang terpaksa membuat pilihan tertentu sahaja. Pilihan yang tidak terpilih atau yang terpaksa dikorbankan dikenali sebagai "Kos Melepas". Lihat: Siti Rohani Yahya, *Konsep Asas Ekonomi*, DBP, Kuala Lumpur, cet, 1, 1985, hal. 109.
4. Paul A. Samuelson & William D. Nordhaus, *Economics*, MacGraw-Hill, Inc., Fifteenth Edit., 1995, hal. 4.
5. Surah Ibrāhīm, 32-34.
6. al-Zamakhsharī, *al-Kasshaf*, Mesir, Syarikat Maṭba'ah al-Bābī al-Halabī wa Awladuh, 1966, jld. 2 hal. 379.
7. Surah al-Fuṣṣilat, 10.
8. Surah al-Baqarah, 29.
9. Dr. Shawqī Ahmad Dunyā, *al-Islām wa al-Tanmiyah al-Iqtisādiyyah*, Dār al-Fikr al-'Arabī, cet. 1 1979, hal. 57.
10. Seperti firman Allah yang bermaksud: "dan tidaklah Aku beri ilmu pengetahuan itu melainkan hanya sedikit." Surah al-Isrā': 85.
11. Dr. 'Abd Allāh Ghanam, *al-Mushkilat al-Iqtisādiyyah wa Nazariyyat al-Ujūr wa al-As'ār fī al-Islām*, Al-Maktab al-Jāmi' al-Ḥadīth, Iskandariah, 1984, hal. 175-184.
12. Surah al-Kahf, 28.
13. Jalāl al-Dīn al-Sayūṭī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, jld. 3, bab harf al-tha', no. hadith: 3471 (Dhaif).
14. Dr. Muḥammad 'Abd al-Mun'im 'Afar, *al-Iqtisād al-Islāmī*, Dār al-Bayān al-'Arabī, Jeddah, 1985, jld. 3, hal. 23-34.
15. Tambahan kepuasan atau utiliti yang diperolehi oleh pengguna daripada tambahan satu unit barang. Lihat *Kamus Ekonomi*, hal. 269.

16. Dr. 'Abd Allāh Ghanam, *Al-Mushkilat al-Iqtisādiyyah*, hal. 172.
17. Dr. Yūsuf al-Qaradāwī, *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Muassasah al-Risalah, Beirut, cet. 1 1996, hal. 86.
18. Surah al-Baqarah, 30.
19. Dr. Muhammad Shawqī al-Fanjārī, "al-Madhhab al-Iqtisādi fī al-Islām" (kertas kerja yang dibentangkan di Muktamar Ekonomi Islam Antarabangsa I di Mekah, 1976). Lihat *al-Iqtisād al-Islāmī*, Al-Markaz al-'Alamī Li al-Baḥth al-Iqtisādi al-Islāmī, 1980, hal. 118.
20. Ibrāhīm Muḥammad Aḥmad al-Bathayinah, *Al-Islām wa al-Mushkilat al-Iqtisādiyyah*, hal. 26.
21. Surah al-Rūm, 41.
22. Muḥammad Bāqir al-Ṣadr, *Iqtisādunā*, Dār al-Ta'āruf, Lubnān, cet. 13, 1980, hal. 247-248.
23. Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, Jld.1 (terj. Mustafa Kasim), DBP, Kuala Lumpur, 1994, hal. 150.
24. Surtahman Kastin Hasan, *Masalah Ekonomi Dan Alam Sekitar: Penyelesaian Islam*, Penerbitan Karyawan, cet. 1 1990, hal. 13.
25. *Ibid*, hal. 14.
26. Surah al-Furqān: 67.
27. Jalāl al-Dīn al-Sayūṭī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, jld. 1, bab harf al-alif, no. hadith: 46 (Sahih).
28. Dr. Rafīq Yūnus al-Miṣrī, *Uṣūl al-Iqtisād al-Islāmī*, Dār al-Qalam, Dimahsq, 1993, h. 153.
29. Dr. Raf'at al-Sayyid al-'Iwādī, *Fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Kitāb al-Ummah, Qatar, hal. 58.
30. Dr. Muḥammad Shawqī al-Fanjārī, *Al-Islām wa al-Mushkilat al-Iqtisādiyyah*, Maktabah al-Salām al-'Alamiyyah, Kaheerah, 1981, hal. 25 dan 67-73.
31. Jalāl al-Dīn al-Sayūṭī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, jld. 5, bab harf al mim, no. hadis: 7771 (Hasan).
32. Surah al-Hashr, 7.
33. Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Buyū', bab Kira' al-Arḍ, no. hadith: 89 (1536).